

PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA

WISMA MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR, 26 Jun 1993

Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat MCA kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung MCA ini. Sudah menjadi tradisi setiap kali parti komponen Barisan Nasional (BN) mengadakan Perhimpunan atau Mesyuarat Agung mereka, saya dijemput merasmikannya. Sebagai Pengerusi BN saya menghargai jemputan ini kerana ianya merupakan pengiktirafan perpaduan dalam BN. Ia juga memberi peluang kepada saya untuk bertemu dengan para pemimpin dan perwakilan MCA yang telah turut memainkan peranan penting dalam menjadikan BN pada hari ini sebuah parti yang berwibawa dan dihormati.

2. Saya gembira melihat MCA kini semakin kukuh dan dihormati sebagai parti yang mewakili masyarakat Cina di negara ini. Kekukuhan ini adalah kerana terdapatnya perpaduan yang lebih erat di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli MCA. Pemimpin-pemimpin MCA juga telah berjaya meletakkan kepentingan parti dahulu daripada kepentingan mana-mana individu atau kumpulan. MCA di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik juga telah berjaya melaksanakan beberapa projek yang memberi faedah kepada masyarakat Cina. Dalam hal ini, saya mengucapkan tahniah kepada MCA atas inisiatifnya melancarkan projek Langkawi yang turut memberi faedah kepada kaum-kaum bukan Cina. Projek pendidikan ini dirasakan sangat baik dan oleh sebab ini Kerajaan menyokong projek ini. Oleh kerana sebab-sebab ini maka saya rasa masyarakat Cina kini memandang MCA sebagai parti yang dapat menjaga kepentingan kaum Cina dan seperti juga dengan UMNO, mengambilkira kepentingan kaum-kaum lain di Malaysia. Sikap inilah yang membolehkan Malaysia terus aman dan stabil.

3. MCA yang lebih kukuh dan bersatu padu adalah sangat dialu-alukan. Ianya bererti MCA bukan sahaja dapat memainkan peranan yang lebih berkesan, tetapi, lebih penting, akan dapat menyumbang kepada kekukuhan BN sebagai parti yang unggul dan berwibawa di negara ini.

4. Rakyat Malaysia sungguh bernasib baik kerana walaupun negara kita terdiri daripada berbagai-bagai kaum, negara kita masih aman dan stabil. Kestabilan politik yang kita semua wujudkan bersama ini telah membolehkan negara terus mengalami pertumbuhan ekonomi yang tinggi semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Hasil pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini telah membolehkan semua kaum di negara ini sama-sama menikmati faedah daripadanya. Tidak ada mana-mana kaum yang tertinggal dalam proses pembangunan pesat yang dialami oleh negara. Keadaan aman dan maju yang kita nikmati sekarang adalah jauh berbeza daripada keadaan malang yang menimpa beberapa negara

yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Di beberapa negara ini, rakyat menderita akibat persengketaan kaum yang kerap kali menyebabkan Pembunuhan yang kejam serta kekurangan makanan dan ubat-ubatan. Di Bosnia-Herzegovina umpamanya, kekejaman yang berlaku adalah di luar batasan kemanusiaan. Ketidak-stabilan di negara-negara tersebut telah menyebabkan ekonomi mereka hancur. Kita patut mengambil pengajaran daripada kejadian yang berlaku di negara-negara ini dan dengan itu meningkatkan lagi perpaduan, persefahaman dan kerjasama di kalangan kita.

5. Kejayaan kita mengatasi masalah perkauman adalah hasil daripada semangat kerjasama, tolak-ansur dan toleransi di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli parti yang mewakili berbagai-bagai kaum di negara ini, bermula daripada Perikatan hinggalah kepada Barisan Nasional hari ini. Konsep kerjasama, muafakat dan tolak-ansur yang diperkenalkan oleh Perikatan dan kemudian oleh Barisan Nasional bagi menyelesaikan sebarang masalah bukan sahaja telah berjaya mewujudkan kestabilan politik bahkan telah membantu perkembangan dan pembangunan ekonomi negara ini. Saya percaya jika konsep yang dibawa oleh Perikatan dan BN ini tidak diperkenalkan, Malaysia tetap akan menjadi seperti negara-negara lain yang mempunyai penduduk berbilang kaum yang selalu menghadapi rusuhan. Sebaliknya negara-negara Eropah dan Amerika yang sering mengkritik kita kerana kononnya mempunyai sikap berat sebelah kepada kaum Bumiputera, tidak pun memberi kerakyatan kepada kaum pendatang dan rakyat mereka sanggup membakar dan membunuh penduduk yang bukan daripada kaum bangsa mereka. Sifat keterlaluan Nazi dan 'fascist' masih ada pada mereka. Namun mereka berani bercakap tentang 'human rights' dan demokrasi.

6. Oleh itu, adalah amat penting BN terus mendapat sokongan kuat semua rakyat, termasuk masyarakat Cina, untuk menjamin Malaysia akan terus stabil, maju dan membangun dengan pesat. Konsep BN telahpun teruji atau 'tested' dengan jayanya. BN telahpun membuktikan kemampuan dan keupayaannya menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini dan menguruskan ekonomi negara ini dengan cekap dan bijak. Tidak ada alternatif lain yang dapat menggantikan BN. Pakatan antara parti-parti komponen dalam BN adalah tetap dan lebih kekal. Ianya bukan seperti pakatan antara parti-parti pembangkang yang hanya wujud apabila pilihanraya umum muncul. Selepas pilihanraya masing-masing parti membawa diri. Kegagalan pakatan tiruan antara parti-parti pembangkang ialah kerana para pemimpinnya tidak jujur dan mereka lebih mementingkan diri sendiri daripada kepentingan rakyat dan negara. Bahawa cara BN memerintah adalah berkesan dapat dilihat daripada minat yang ditunjukkan oleh banyak negara membangun dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa untuk mempelajari cara-cara kita mentadbirkan negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan agama ini.

7. Kita akui sekali-sekala terdapat 'minor ripple' dalam BN seperti baru-baru ini USNO bersubahat dengan parti lawan. Tetapi tindakan seperti ini tidak menjejaskan kedudukan BN. Bahkan ianya telah menguatkan lagi BN kerana BN tidak sanggup mempunyai pemimpin-pemimpin dalam parti komponennya yang lebih mementingkan diri mereka sendiri daripada kepentingan parti, rakyat dan negara.

8. Di sini sukalah saya menegaskan bahawa selain daripada prinsip kerjasama, tolak-ansur dan toleransi, BN juga memegang prinsip bahawa kepentingan negara dan parti adalah lebih utama daripada kepentingan individu atau mana-mana kumpulan. Prinsip inilah yang akan sentiasa dipegang oleh BN kerana jika BN tunduk kepada mana-mana individu atau kumpulan, BN akan menghadapi kehancuran.

9. Saya gembira kerana matlamat Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju telah mendapat sokongan padu semua parti komponen BN. MCA sendiri telah memainkan peranannya untuk menjelas dan menerangkan Wawasan 2020 kepada rakyat terutama masyarakat Cina.

10. Sudah lebih dua tahun berlalu semenjak Wawasan ini diumumkan kepada rakyat, namun masih ada pihak-pihak yang masih tidak yakin Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Pihak-pihak yang 'sceptical' ini termasuklah mereka yang sentiasa menentang apa sahaja yang dilakukan oleh Kerajaan. Mereka yang menentang adalah mereka yang suka 'oppose for the sake of opposing'. Walaupun umum mendapati sesuatu rancangan atau projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan berfaedah atau baik, kumpulan penentang ini tetap akan mengkritiknya. Walaupun kemudian rancangan atau projek ini telah terbukti berjaya dan dunia mengakuinya, mereka tetap tidak mahu menerima kenyataan. Tetapi yang anehnya mereka turut menumpang kejayaan tersebut. Jika pihak asing tidak yakin akan kemampuan kita mencapai matlamat Wawasan 2020, ini memang boleh dijangka. Hari ini pun pihak asing ini tidak senang hati dengan pencapaian kita. Sebab itu mereka cuba menghasut rakyat, terutama kaum pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja, supaya mensabotaj usaha-usaha kita. Mereka tahu bahawa walaupun Malaysia sebuah negara kecil, kesan daripada kejayaannya dirasai juga oleh mereka dalam bidang-bidang tertentu. Tetapi rakyat Malaysia sendiri perlu lebih yakin kerana keyakinan adalah separuh daripada sifat-sifat yang boleh membawa kejayaan.

11. Keyakinan ini bukanlah berasaskan kepada keangkuhan. Ianya harus berasaskan kepada kesedaran bahawa matlamat Wawasan 2020 ini adalah satu matlamat yang realistik setelah mengambil kira kemampuan rakyat Malaysia dan prestasi ekonomi kita selama ini. Kajian yang teliti dan mendalam telah dijalankan sebelum

kita mengambil keputusan menggariskan matlamat kita menjadi negara maju. Hampir 10 tahun dahulu apabila kita mengumumkan Projek Kereta Nasional, banyak pihak yang mengkritiknya dengan hebat. Kononnya Malaysia tidak akan berupaya dan mampu memiliki kemahiran dan teknologi yang canggih untuk mengeluarkan kereta yang bermutu tinggi dan boleh bersaing pula di pasaran antarabangsa. Kini kejayaan Projek Kereta Nasional tidak dipersoalkan lagi. Walaupun di Malaysia Proton mendapat sedikit perlindungan daripada Kerajaan, ia bersaing di negara asing dengan jayanya tanpa apa-apa perlindungan yang istimewa.

12. Hari ini rakyat Malaysia berbangga dengan kereta nasional mereka. Lebih penting, Projek Kereta Nasional telah menghasilkan banyak 'spin-off effects' dan bersama-sama projek-projek industri berat yang lain telah meletakkan asas penting bagi proses perindustrian negara yang lebih cepat.

13. Projek kereta nasional membuktikan rakyat Malaysia mampu dan berupaya melakukan apa juga yang dirancangkan oleh mereka. Kita telah membuktikan bahawa kita berupaya menguasai kemahiran dan teknologi yang canggih serta menghasilkan barangan yang bermutu tinggi dan boleh bersaing di pasaran antarabangsa. Kita juga mempunyai tenaga kerja di semua peringkat yang rajin, tekun, cekap dan produktif. Rakyat Malaysia juga mempunyai disiplin dan komitmen yang tinggi dan tidak mudah dihasut oleh musuh negara. Justeru itu, kemungkinan negara menjadi sebuah negara maju bukanlah satu khayalan atau impian di siang hari, tetapi satu realiti.

14. Yang penting ialah kestabilan politik negara perlu dikekalkan. Oleh yang demikian adalah amat penting kaum-kaum di negara ini tidak bertindak sehingga boleh menjejaskan kestabilan politik negara ini. Semua kaum hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan perpaduan dan persefahaman. Mereka hendaklah menghakiskan ketebalan semangat perkauman. Walaupun kita tidak dapat menghapuskan secara langsung identiti kaum dan menggantikannya dengan perasaan kebangsaan yang satu, kita tidak harus mengapi-apikan semangat perkauman sehingga suasana politik dan sosial negara menjadi tegang. Ingatlah, setiap kaum boleh sama-sama memperolehi bahagian yang lebih banyak hasil daripada kestabilan negara berbanding dengan jika setiap kaum cuba merebut semuanya untuk dirinya sendiri.

15. MCA adalah salah satu parti komponen BN yang penting yang telah banyak menyumbang ke arah membantu Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih stabil, bersatu padu, maju dan makmur. Tanpa sumbangan MCA, saya yakin negara tidak akan berada di tahap sekarang. Sikap para pemimpinnya yang sederhana dan realistik terhadap kenyataan bahawa negara ini diduduki oleh penduduk berbilang kaum telah membolehkan BN

menyelesaikan dengan baik banyak masalah yang dihadapi oleh negara tanpa menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara. Sebagai parti yang mewakili masyarakat Cina, MCA telah berjaya menjaga hak kepentingan yang berpatutan kaum Cina. Kejayaan ini lebih penting memandangkan dalam memperjuangkan hak kepentingan kaum Cina, MCA tidak bersifat ekstrim dan 'racist' seperti DAP. Sifat-sifat inilah yang menyebabkan, antara lain, MCA lebih diterima daripada DAP oleh majoriti masyarakat Melayu. Oleh itu, adalah diharapkan masyarakat Cina akan terus memberi sokongan yang kuat kepada MCA. MCA adalah antara parti-parti dalam BN yang boleh menyelesaikan masalah kaum Cina. Sikap perkauman DAP yang tebal hanya akan membawa negara ini ke kancah perpecahan dan rusuhan kaum seperti di negara-negara majmuk lain. Untuk membolehkan Malaysia terus aman, stabil, makmur dan maju masyarakat Cina hendaklah menjauhkan diri daripada politik perkauman keterlaluan seperti yang diamalkan oleh DAP.

16. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA bagi tahun 1993.